



PROSES DAFTAR MASUK KOLEJ KEDIAMAN SEMESTER 2, SESI 2021/2022

STATUS VAKSINASI PELAJAR

1. Semua pelajar yang telah atau belum lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus mulai Semester 2, Sesi 2021/2022.

2. Bagi pelajar yang belum lengkap vaksinasi, pelajar hendaklah:

- membuat ujian RT-PCR tiga hari sebelum memasuki kampus dan memperolehi keputusan negatif.

- melakukan ujian pengesanan Covid-19 menggunakan kaedah RTK-Ag seminggu sekali mengikut Strategi Pengujian Covid-19 Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.




SEBELUM MEMASUKI KAMPUS



1. Pelajar hendaklah membuat ujian kendiri Covid-19.


2. Pelajar dari kategori berikut dinasihatkan untuk menangguhkan kemasukan ke kampus sehingga sihat / tamat tempoh kuarantin:

- bergejala
- kontak rapat bergejala
- positif Covid-19
- berada dalam kawasan PKPD
- sedang menjalani kuarantin



DEKLARASI KESIHATAN

Pelajar dikehendaki membuat deklarasi kesihatan melalui aplikasi *UM Touch* sebelum memasuki kampus.



PENDAFTARAN MASUK DI KAUNTER KOLEJ KEDIAMAN

1. Pelajar diminta untuk mendaftar masuk (*check-in*) di kaunter kolej kediaman masing-masing.

2. Pelajar perlu memaparkan Aplikasi *UM Touch* (Bukti Deklarasi Kesihatan) dan Aplikasi *MySejahtera* (Bukti Status Risiko Covid-19 dan Status Vaksinasi) kepada petugas di kaunter kolej kediaman untuk verifikasi.

3. Pelajar perlu menyerahkan Borang Daftar Masuk yang lengkap kepada petugas di kaunter kolej kediaman untuk mengambil kunci bilik.

4. Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan untuk pergi ke bilik selepas selesai proses pendaftaran.